

# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL

Lindungi rumah anda



# PruBSN Gadai Janji

Anda merupakan tulang keluarga anda. Oleh itu, anda akan sentiasa berusaha sebaik mungkin untuk menyediakan keperluan mereka secukupnya. Dengan bantuan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, tercapailah impian anda untuk memiliki sebuah rumah yang selesa untuk keluarga anda.

Namun tiada siapa yang dapat menjangkakan apa yang akan berlaku di masa hadapan. Bagaimanakah jika anda tidak dapat meneruskan bayaran pembiayaan perumahan atas sebab kematian atau kehilangan upaya?

Sanggupkah anda membayangkan keadaan keluarga tersayang anda kehilangan tempat berteduh? Dengan PruBSN Gadai Janji, anda tidak perlu risau semua itu kerana PruBSN Gadai Janji dapat membantu mengelakkan rumah anda daripada ditarik balik.



## Melindungi Hak Milik

Membantu memastikan rumah anda kekal menjadi milik keluarga anda sekiranya bayaran pembiayaan perumahan tidak dapat diteruskan atas sebab kematian atau kehilangan upaya.



## Potensi Perolehan

Membolehkan anda berkongsi sebarang lebihan daripada Dana *Tabarru'*, jika ada.

## CIRI-CIRI PRODUK

Tempoh Manfaat	Tempoh Minimum: 5 tahun Tempoh Maksimum: 33 tahun, tertakluk kepada umur tamat tempoh 90 tahun pada hari lahir yang terhampir. Nota: Tempoh maksimum adalah termasuk sekali tempoh penangguhan. Manfaat TPD adalah sehingga umur 70 tahun pada hari lahir yang terhampir.
Sumbangan	Amaun sumbangan tunggal yang akan anda bayar adalah bergantung kepada jantina dan umur anda pada hari lahir yang terhampir berserta amaun pembiayaan, tempoh pembiayaan dan status hartanah.

## CIRI-CIRI PRODUK

<b>Manfaat Kematian akibat Penyakit dan Kemalangan</b>	Manfaat ini akan membantu melangsaikan pembiayaan perumahan anda sekiranya anda meninggal dunia akibat penyakit atau kemalangan.
<b>Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) akibat Penyakit dan Kemalangan</b>	Manfaat ini akan: <ul style="list-style-type: none"><li>• membantu melangsaikan pembiayaan perumahan anda sekiranya anda mengalami Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh sebelum mencapai umur 71 tahun.</li><li>• menawarkan bayaran tunai tambahan bagi perbelanjaan perubatan sebanyak RM1,000.</li></ul>
<b>Manfaat <i>Khairat</i> Kematian</b>	Manfaat ini menyediakan bantuan kewangan berjumlah: <ul style="list-style-type: none"><li>• RM2,000 jika anda meninggal dunia, atau</li><li>• RM1,000 jika pasangan anda meninggal dunia, atau</li><li>• RM500 jika anak anda meninggal dunia (maksimum dua orang anak di bawah umur 20 tahun).</li></ul>
<b>Manfaat Serahan Awal</b>	Manfaat ini membolehkan anda untuk mendapat sejumlah wang yang terkumpul dari akaun anda, jika ada, apabila anda melangsaikan pembiayaan perumahan anda lebih awal.
<b>Manfaat Kematangan</b>	Manfaat ini membolehkan anda untuk mendapat sejumlah wang yang terkumpul dari akaun anda, jika ada, apabila tamat tempoh pembiayaan.
<b>Penerimaan Automatik</b>	PruBSN menerima penyertaan sehingga umur 70 tahun tanpa sebarang pemeriksaan perubatan atau pengakuan kesihatan.

## CIRI-CIRI PRODUK

Proses yang mudah dan pantas untuk tuntutan <i>Khairat</i> kematian	Hanya perlu mengemukakan sijil kematian atau permit pengkuburan yang disahkan kepada PruBSN. Tempoh bayaran tuntutan adalah dalam jangka masa 24 jam setelah menerima sijil kematian atau permit pengkuburan.
---------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

## CAJ-CAJ DAN POTONGAN

Jenis Caj	Butiran Caj
Caj <i>Wakalah</i> Pendahuluan	Caj ini terdiri daripada komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta perbelanjaan pengurusan sebanyak 25% daripada sumbangan tunggal perlindungan anda.
<i>Tabarru`</i>	Caj ini dipotong setiap bulan berdasarkan umur, jantina dan jumlah perlindungan.

## SOALAN LAZIM

### Siapakah yang boleh menyertai PruBSN Gadai Janji?

Sesiapa sahaja yang berumur dari 17 tahun sehingga 70 tahun boleh menyertai pelan ini jika anda mengambil pembiayaan perumahan dari Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

### Berapakah jumlah sumbangan untuk PruBSN Gadai Janji?

Jumlah sumbangan untuk pelan ini adalah bergantung kepada umur, jantina, jenis bangunan, tempoh pembiayaan dan jumlah perlindungan yang anda pilih. Sila layari <https://www.prubsnadvisor.com.my/lppsa> untuk mendapatkan sebut harga sumbangan untuk perlindungan anda.

### Apakah Piawaian Perkhidmatan Pelanggan PruBSN?

Perkhidmatan pelanggan PruBSN adalah menepati tahap piawaian yang disarankan oleh kerajaan berdasarkan kepada:

- Pengeluaran surat penerimaan – tidak lebih dari tiga (3) hari bekerja setelah menerima dokumen yang lengkap.
- Bayaran tuntutan *Khairat* kematian – dalam tempoh 24 jam setelah menerima sijil kematian atau permit penguburan.
- Bayaran tuntutan – tidak lebih dari tujuh (7) hari bekerja setelah menerima dokumen lengkap.
- Prosedur PruBSN adalah berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak LPPSA.
- Pelan ini direka khas untuk kakitangan kerajaan sahaja.

### Adakah perlindungan PruBSN Gadai Janji dapat menyelesaikan baki hutang sepenuhnya jika anda meninggal dunia atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh?

Ya, baki pembiayaan akan diselesaikan dengan syarat tiada berlaku tunggakan ke atas pembiayaan tersebut.

## PENGECUALIAN

PruBSN Gadai Janji tidak melindungi situasi-situasi berikut. Sekiranya salah satu daripada situasi berikut berlaku, Manfaat Kematian dan Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh yang ditawarkan di bawah pelan ini tidak akan dibayar kepada anda.

1. Jika kematian berlaku akibat daripada tindakan membunuh diri di dalam tempoh setahun dari tarikh permulaan sijil.
2. Jika Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh terjadi akibat:
  - i. Percubaan membunuh diri dan kecederaan akibat perbuatan sendiri.
  - ii. Menyertai operasi ketenteraan.
  - iii. Memasuki, mengendali, menyelenggara atau turun dari sebarang perkhidmatan atau pengangkutan udara melainkan di dalam penerbangan komersil
  - iv. Jangkitan HIV atau AIDS atau penyakit yang disebar secara seksual.
  - v. Kecederaan akibat pengaruh alkohol atau dadah.
  - vi. Mengambil bahagian di dalam sebarang rusuhan atau melakukan kesalahan jenayah.
  - vii. Terlibat dalam aktiviti-aktiviti penganas dan keganasan.
  - viii. Terlibat di dalam sebarang sukan atau hobi yang merbahaya dan berisiko.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.

## NOTA-NOTA PENTING

Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelan ini, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk dan Lampiran Keterangan Produk sebelum menyertai pelan ini.

1. PruBSN Gadai Janji adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) di mana sebahagian sumbangan anda akan ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk Caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
2. Sebagai tambahan, konsep *Mudarabah* yang terpakai membolehkan mana-mana keuntungan pelaburan hasil daripada ISA dikongsi antara PruBSN dan anda. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan pelaburan, sementara PruBSN akan menerima bakinya sebanyak 20%. Bahagian keuntungan anda akan dimasukkan semula ke ISA anda. Jika terdapat kerugian pelaburan daripada ISA, kerugian ini akan ditanggung sepenuhnya oleh anda.
3. Anda berhak menerima sebarang agihan lebih daripada Dana *Tabarru`* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada). Bersama para peserta lain, anda berhak menerima 50% daripada lebih tersebut dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru`*. Bahagian lebih agihan anda akan dimasukkan semula dalam ISA anda. Amaun agihan lebih sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk pada kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
4. Pulangan daripada Akaun Khas Individu (ISA) anda, jika ada, akan berdasarkan kepada prestasi sebenar dana-dana dan ia tidak dijamin. Manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang anda bayar.
5. PruBSN Gadai Janji tidak menyediakan manfaat daripada Dana *Tabarru`* pada penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.
6. Dalam risalah ini, Umur merujuk kepada Umur pada Hari Lahir Yang Terhampir.

## APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

*Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam*

Takaful diambil daripada istilah Arab *'kafala'* yang membawa erti **"Jaminan bersama"** atau **menjamin antara satu sama lain.**

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta'awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.

**PERTOLONGAN BERSAMA**

**PERTOLONGAN BERSAMA  
DARIPADA KERUGIAN**

**TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip **"Ta'awun"** (kerjasama/pertolongan bersama) di mana penglibatan penyertaannya adalah **Tabarru`at (kebajikan).**



# PRUDENTIAL BSN

---

## TAKAFUL


PruBSN Gadaai Janji adalah produk yang berasaskan Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut/pertanyaan, sila hubungi:

**PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD** (200601020898)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

 03 2053 7188

 [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)



SMS **PruBSN** dan hantarkan kepada **33080**



[www.facebook.com/my/prubsn](http://www.facebook.com/my/prubsn)



[www.instagram.com/prubsn\\_official](http://www.instagram.com/prubsn_official)



[www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad](http://www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad)



Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

**Penting:** Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

*Semua maklumat adalah betul semasa percetakan. Diterbitkan Jun 2020.*